



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2004/2005**

NAMA MATA PELAJARAN : SISTEM PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL

KOD MATA PELAJARAN : BTT 4212

KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
TEKNIK DAN VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : MAC 2005

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN:

1. JAWAB SEMUA SOALAN DARIPADA BAHAGIAN A DALAM BORANG OMR.
2. JAWAB SEMUA SOALAN DARIPADA BAHAGIAN B DALAM BUKU JAWAPAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LAPAN MUKA SURAT

BAHAGIAN A

- S1 Memberi pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap bidang tersebut dan mengekalkan kecenderungan ini supaya membolehkan mereka melanjutkan pengajian dalam bidang yang berkaitan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), adalah
- A. objektif aliran teknikal di sekolah menengah harian.
 - B. objektif pendidikan teknikal di sekolah menengah harian.
 - C. objektif pendidikan teknikal di sekolah menengah teknik
 - D. objektif pendidikan vokasional di sekolah menengah teknik.
- S2 Sinopsis aliran teknikal yang akan memberi pendedahan kepada pengetahuan asas dalam kerjaya yang ada hubungkait dengan komponen Proses Pembinaan, adalah
- A. sinopsis kursus aliran vokasional di sekolah menengah vokasional.
 - B. sinopsis kursus aliran kejuruteraan awam di sekolah menengah teknik.
 - C. sinopsis kursus aliran kejuruteraan awam di sekolah menengah harian.
 - D. sinopsis kursus aliran Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di sekolah menengah harian.
- S3 Dalam tahun-tahun menuju kemerdekaan, telah timbul kesedaran di kalangan pemimpin dan rakyat Malaysia tentang betapa mustahaknya diadakan satu sistem pendidikan kebangsaan untuk menggantikan sistem pendidikan penjajah bagi memenuhi kehendak negara. Atas kesedaran inilah lahir
- A. satu Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan melalui Penyata Razak 1956 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1957.
 - B. satu Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan melalui Penyata Razak 1955 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1956.
 - C. satu Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan melalui Penyata Razak 1954 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1955.
 - D. satu Dasar Pendidikan (Pelajaran) Kebangsaan melalui Penyata Razak 1953 dan dimaktubkan dalam Ordinan Pelajaran, 1954

- S4 Politeknik yang pertama telah ditubuhkan pada tahun 1969 bagi menerima lepasan menengah dalam pendidikan teknikal dan vokasional bagi mengikuti program sijil dan diploma. Politeknik tersebut di namakan
- A. Politeknik Ungku Omar.
 - B. Politeknik Ungku Aziz.
 - C. Politeknik Port Dickson.
 - D. Politeknik Sultan Ahmad Shah.
- S5 Kolej Komuniti yang ditubuhkan pada tahun 2001 berfungsi untuk menyediakan peluang pembelajaran pasca menengah dan latihan teknikal kepada kohort umur yang menamatkan pengajian di sekolah menengah. Apakah fungsi Kolej Komuniti selain daripada menyediakan peluang pembelajaran pasca menengah?
- A. Menyediakan kursus-kursus pendidikan berterusan.
 - B. Menyediakan kursus-kursus perguruan.
 - C. Menyediakan kursus-kursus pertanian.
 - D. Menyediakan kursus-kursus latihan pengukuhan.
- S6 Satu sistem pendidikan berasaskan pengetahuan dan kemahiran yang bermatlamatkan serampang dua mata iaitu untuk memenuhi aspirasi pelajar dan mengeluarkan tenaga kerja yang memenuhi kehendak industri. Pernyataan ini adalah
- A. Matlamat sistem pendidikan teknikal dan vokasional.
 - B. Matlamat sistem pendidikan sains dan teknologi.
 - C. Matlamat sistem pendidikan teknologi maklumat.
 - D. Matlamat sistem pendidikan vokasional.
- S7 Satu perbadanan yang mengelola dan mengawal sistem pendidikan teknikal bagi German – Malaysia Institute (GMI) ialah
- A. MARA.
 - B. Kementerian Pelajaran Malaysia.
 - C. Kementerian Pengajian Tinggi.
 - D. Kedutaan Jerman di Malaysia.

- S8 Sistem pendidikan teknikal dan latihan kemahiran Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia adalah di bawah kawal selia
- A. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
 - B. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia.
 - C. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 - D. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- S9 Nyatakan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan teknikal dan vokasional yang dipraktis di Kolej Komuniti Malaysia.
- A. Kaedah pendekatan modular.
 - B. Kaedah pendekatan bimbingan guru.
 - C. Kaedah pendekatan kerja berkumpulan.
 - D. Kaedah pendekatan pembelajaran berasaskan masalah.
- S10 Namakan jabatan yang bertanggungjawab dan kawal selia dalam pengurusan kurikulum untuk kursus-kursus teknikal dan vokasional di Sekolah Menengah Teknik, Kolej Komuniti dan Politeknik Malaysia.
- A. Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional, Jabatan Pendidikan Teknikal.
 - B. Bahagian Kurikulum Teknikal, Unit Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
 - C. Bahagian Kurikulum Teknikal dan vokasional, Jabatan Pendidikan Negeri.
 - D. Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- S11 Menurut sejarah pendidikan teknikal dan vokasional di Malaysia yang boleh dikesan pada tahun 1906 apabila sebuah sekolah teknik pertama telah beroperasi di Kuala Lumpur. Nama sekolah menengah teknik tersebut ialah
- A. Sekolah Menengah Teknik Teacher.
 - B. Sekolah Menengah Teknik Treacher.
 - C. Sekolah Menengah Teknik Thatcher.
 - D. Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur.

- S12 Salah satu tujuan penubuhan sekolah menengah teknik pertama dibuka adalah bertujuan untuk memberi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional kepada bakal juruteknik-juruteknik di bawah
- A. Jabatan Kereta Api sahaja.
 - B. Jabatan Kerja Raya sahaja.
 - C. Jabatan Kerja Air sahaja.
 - D. Jabatan Kereta Api dan Kerja Raya sahaja.
- S13 Nyatakan pada tahun berapakah Sekolah Pertukangan Negeri Melayu Bersekutu yang telah ditubuhkan di Kuala Lumpur?
- A. 1926
 - B. 1928
 - C. 1929
 - D. 1946
- S14 Tiga buah sekolah pertukangan yang sama telah dibuka di Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru supaya dapat menyediakan kursus dalam beberapa bidang teknikal dan vokasional yang diperlukan pada ketika itu. Nyatakan bidang-bidang tersebut.
- A. Kursus mekanik, juruelektrik dan tukang kayu.
 - B. Kursus kimpalan, jurumesin dan tukang perpaipan.
 - C. Kursus jentera, jurularik dan tukang perabut.
 - D. Kursus rekaan taman, juruhias dalaman dan tukang baik pulih.
- S15 Selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1946 sekolah-sekolah pertukangan tersebut dinaik taraf dengan menawarkan beberapa tambahan kursus dalam bidang teknikal dan ketukangan. Nyatakan nama baru sekolah pertukangan tersebut.
- A. *Junior Technical Trade School.*
 - B. *Junior Trade Technical School.*
 - C. *Junior Vocational Technical School.*
 - D. *Junior Technical Vocational School.*

- S16 Berdasarkan Laporan Rahman Talib dan Akta Pendidikan 1961, telah berlaku perubahan yang meluas dalam sistem PTV yang komprehensif pada tahap sekolah menengah dan atas iaitu
- A. Sekolah Lanjutan Kampong menjadi Sekolah Menengah Vokasional.
 - B. Sekolah Pertukangan menjadi Sekolah Menengah Vokasional.
 - C. Sekolah Lanjutan Kampong menjadi Sekolah Menengah Teknik.
 - D. Sekolah Menengah Vokasional menjadi Sekolah Menengah Teknik.
- S17 Struktur kurikulum yang baru untuk politeknik mengadungi tiga komponen utama. Peratusan tiga komponen kandungan kurikulum politeknik tersebut ialah
- A. Pengajian Am 12%, Pengajian Teknikal 77% dan Latihan Industri 11%.
 - B. Pengajian Am 14%, Pengajian Teknikal 79% dan Latihan Industri 7%.
 - C. Pengajian Am 12%, Pengajian Teknikal 79% dan Latihan Industri 8%.
 - D. Pengajian Am 15%, Pengajian Teknikal 70% dan Latihan Industri 15%
- S18 Beberapa strategi telah digubal untuk mencapai matlamat Dasar Pendidikan yang telah ditetapkan dalam pelaksanaannya adalah
- I menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama.
 - II mengadakan kurikulum yang sama dan berorientasikan Malaysia bagi semua jenis sekolah.
 - III mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua.
 - IV melicinkan tatacara pengurusan pendidikan.
 - V menjadikan bahasa Inggeris bahasa utama.
- A. I, II, III dan IV sahaja
 - B. II, III, IV dan V sahaja
 - C. I, III, IV dan V sahaja
 - D. I, II, III, IV dan V sahaja

S19 Kaedah pengajaran dan pembelajaran di politeknik-politeknik Malaysia adalah berasaskan kurikulum pendidikan teknikal dan vokasional yang luas yang mengandungi

- I 50:50 (teori dan komponen elektif).
- II 52 kredit bagi kursus sijil.
- III 92 kredit bagi kursus diploma.
- IV Tanpa latihan industri.
- V Satu semester latihan industri.

- A. I, II, III dan IV sahaja
- B. I, II, III dan V sahaja
- C. I, II, IV dan V sahaja
- D. II, III, IV dan V sahaja

S20 Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang diasaskan kepada hasrat serta aspirasi negara adalah dinyatakan untuk

- I melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak.
- II seimbang dan harmonis.
- III mencapai kesejahteraan diri.
- IV memberi sumbangan kepada keharmonian.
- V kemakmuran masyarakat dan negara.

- A. I, II, III dan V sahaja
- B. II, III, IV dan V sahaja
- C. I, III, IV dan V sahaja
- D. I, II, III, IV & V

BAHAGIAN B

- S1 a) Terangkan dengan berbantuan carta alir bagi proses Perancangan dan Pembangunan Kurikulum Teknikal dan Vokasional bagi institusi di bawah Sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional.
(20 markah)
- b) Terangkan pembentukan halatuju kurikulum teknikal dan vokasional dari peringkat pendidikan sekolah menengah teknik ke peringkat diploma Kolej Komuniti dan Politeknik. Jawapan anda hendaklah berasaskan kepada Kurikulum yang artikulated, Kurikulum berasaskan standards, dan Struktur Kurikulum yang modular.
(20 markah)
- S2 a) Terangkan dengan ringkas Bahagian Kurikulum Teknikal dan Vokasional, Jabatan Pendidikan teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia.
(20 markah)
- b) Ceritakan secara ringkas berhubung struktur dan spesifikasi kurikulum untuk Sekolah Menengah Teknik.
(20 markah)